

PHARMANIAGA SALBUTAMOL TABLET

Salbutamol (2mg, 4mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Salbutamol Tablet.
2. Bagaimana Pharmaniaga Salbutamol Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Salbutamol Tablet
4. Cara mengambil Pharmaniaga Salbutamol Tablet
5. Semasa mengambil Pharmaniaga Salbutamol Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan Pelupusan Pharmaniaga Salbutamol Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Pharmaniaga Salbutamol Tablet

Ia digunakan membantu melegakan penyempitan saluran pernafasan bagi keadaan berikut:

- asma,
- keradangan kronik saluran pernafasan yang membawa udara ke paru-paru anda
- kerosakan kantung udara di paru-paru anda

Bagaimana Pharmaniaga Salbutamol Tablet berfungsi

Pharmaniaga Salbutamol Tablet adalah tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil bronkodilator. Ini membantu untuk membuka saluran pernafasan dalam paru-paru. Ini akan memudahkan udara untuk masuk dan keluar.

Sebelum mengambil Pharmaniaga Salbutamol Tablet

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil Pharmaniaga Salbutamol Tablet sekiranya anda:

- ada alahan kepada salbutamol, atau bahan-bahan kandungan dalam ubat ini (seperti dalam senarai di hujung risalah ini).
- mengalami keguguran terancang semasa trimester pertama atau kedua.

-Sebelum mula mengambil Pharmaniaga Salbutamol Tablet

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya:

- anda ada alergi/alahan terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.
- anda sedang mengambil ubat-ubatan *beta-blocker* seperti propranolol yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi atau keadaan jantung.
- anda ada masalah jantung atau masalah tiroid
- anda sedang mengandung, dalam perancangan untuk mengandung atau menyusukan bayi. Penggunaan ubat yang tidak perlu semasa trimester pertama kehamilan adalah tidak diingini.

Doktor atau ahli farmasi anda akan berbincang manfaat dan risiko bagi penggunaan Pharmaniaga Salbutamol Tablet jika anda ada mana-mana keadaan seperti yang dinyatakan di atas.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang menggunakan ubat yang memerlukan preskripsi atau sebarang ubat-ubatan lain termasuk ubat herba dan suplemen yang diperolehi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Adalah amat penting untuk beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil ubat berikut:

- ubat *beta-blocker* seperti propranolol.

Cara mengambil Pharmaniaga Salbutamol Tablet

Ikut segala arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan berhati-hati. Arahan tersebut mungkin berbeza daripada risalah ini.

Sekiranya anda tidak memahami arahan pada label ubat tersebut, bertanya pada doktor atau ahli farmasi anda bagi menjelaskan arahan tersebut.

Berapa banyak harus diambil

Kanak-Kanak:

2-6 tahun: 1-2 tablet tiga atau empat kali sehari.

6-12 tahun: 2mg tiga atau empat kali sehari.

12 tahun ke atas: 2mg atau 4mg tiga atau empat kali sehari.

Dewasa:

Dos berkesan yang biasa adalah 2-4mg tiga atau empat kali sehari bergantung kepada keadaan anda.

Doktor mungkin akan naikkan dos ke 8mg setiap dos sekiranya perluasan saluran pernafasan yang mencukupi tidak tercapai.

Warga tua atau individu yang sensitif kepada salbutamol atau ubat yang serupa:

Dos permulaan: 2mg tiga hingga empat kali sehari.

-Bila perlu diambil

Ambil Pharmaniaga Salbutamol Tablet seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Ia boleh diambil sebelum atau selepas makan.

-Berapa lama perlu diambil

Teruskan mengambil ubat ini selama mana doktor memberitahu anda. Amatlah penting untuk meneruskan pengambilan ubat ini walaupun anda sudah berasa sihat.

-Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja teringat. Walaubagaimanapun, jika sudah menghampiri waktu untuk dos berikutnya, biarkan sahaja dos yang terlupa tadi dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual pengambilan ubat. Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dimakan itu.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

PHARMANIAGA SALBUTAMOL TABLET

Salbutamol (2mg, 4mg)

Semasa mengambil Pharmaniaga Salbutamol Tablet

-Perkara yang perlu dilakukan

Sekiranya anda atau anak anda yang sedang mengambil Pharmaniaga Salbutamol Tablet masih tidak rasa sihat selepas mengambil ubat ini, sila jumpa doktor anda semula.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil Pharmaniaga Salbutamol Tablet untuk merawat masalah lain kecuali atas arahan doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama seperti anda.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disarankan kecuali atas arahan doktor anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda mengetahui kesan Pharmaniaga Salbutamol Tablet terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak berasa sihat semasa mengambil Pharmaniaga Salbutamol Tablet. Ubat ini membantu kebanyakan orang tetapi ianya berkemungkinan memberikan kesan sampingan pada sesetengah orang.

Semua ubat akan menghasilkan kesan sampingan. Kadang-kadang kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan pemerhatian perubatan sekiranya anda mengalami kesan-kesan sampingan tersebut.

Berhenti makan Pharmaniaga Salbutamol Tablet dan jumpa doktor dengan segera sekiranya mengalami:

- reaksi alahan seperti muka, bibir, kerongkong atau lidah menjadi bengkak, tompok-tompok merah timbul pada kulit, berasa gatal teruk atau sukar bernafas

Kesan sampingan yang serius termasuk kematian telah dilaporkan berlaku selepas pemberian

terbutaline/ salbutamol kepada wanita ketika bersalin. Kesan ini termasuk peningkatan kadar denyutan jantung, glukosa darah tinggi sementara, tahap kalium darah rendah, denyutan jantung yang tidak teratur, pengumpulan cecair dalam paru-paru dan kurang pengaliran darah ke jantung yang menghalang daripada penerimaan oksigen yang mencukupi. Kurang tahap glukosa bagi janin dan bayi boleh berlaku hasil daripada pengambilan ibu mengandung.

Kesan sampingan yang kurang serius yang mungkin berlaku dengan Pharmaniaga Salbutamol Tablet adalah:

- Tangan menggeletar
- Sakit kepala

Ini bukan senarai kesan sampingan yang lengkap. Kesan sampingan ini berlaku akibat tindakan salbutamol pada badan anda dan biasanya akan hilang dengan masa. Walau bagaimanapun, jika mana-mana satu kesan sampingan masih kekal, anda harus memaklumkan doktor anda.

Jika terdapat sebarang kesan lain yang mengganggu anda, beritahu doktor anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI/ Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Salbutamol Tablet

-Penyimpanan

Simpan ubat ini di tempat yang dingin dan kering di mana suhunya sentiasa dibawah 25°C. Lindungi daripada cahaya. Simpan dalam bekas yang tertutup rapat.

Jangan simpan ubat didalam bilik mandi, berdekatan dengan sinki atau ambang tingkap.

Jangan tinggalkan ubat ini di dalam kereta terutama semasa cuaca panas.

Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melepasi tarikh luput yang dicetak pada bungkusannya. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan itu.

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Pharmaniaga Salbutamol Tablet 2mg:

Tablet bulat dwicembung berwarna merah jambu, berdiameter 7mm dengan ikon Pharmaniaga pada satu bahagian dan belahan tengah pada bahagian yang lain.

Pharmaniaga Salbutamol Tablet 4mg:

Tablet bulat dwicembung berwarna merah jambu, berdiameter 8mm dengan ikon Pharmaniaga pada satu bahagian dan belahan tengah pada bahagian yang lain.

-Bahan-bahan kandungan:

Pharmaniaga Salbutamol Tablet 2mg:

Bahan aktif:-
Salbutamol Sulphate 2mg

Bahan-bahan tidak aktif:-
Cornstarch, Magnesium Stearate, Purified Water, Carmoisine Lake, Povidone dan Lactose

Pharmaniaga Salbutamol Tablet 4mg:

Bahan aktif:-
Salbutamol Sulphate 4mg
Bahan-bahan tidak aktif:-
Cornstarch, Magnesium Stearate, Purified Water, Lactose

PHARMANIAGA SALBUTAMOL TABLET

Salbutamol (2mg, 4mg)

Monohydrate, Carmoisine Lake dan Povidone

-Nombor MAL:

Pharmaniaga Salbutamol Tablet

2mg:

MAL19870736AZ

Pharmaniaga Salbutamol Tablet

4mg:

MAL19870743AZ

Pengilang:

Pharmaniaga Manufacturing Berhad

(60016-D),

11A, Jalan P/1,

Kawasan Perusahaan Bangi,

43650 Bandar Baru Bangi,

Selangor Darul Ehsan,

Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk:

Pharmaniaga Manufacturing Berhad

(60016-D),

11A, Jalan P/1,

Kawasan Perusahaan Bangi,

43650 Bandar Baru Bangi,

Selangor Darul Ehsan,

Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP:

06/04/2018

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)080318/00063